

**SOALAN NO. : 13**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]**

**TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan keuntungan, memberi kesan kepada alam sekitar dan tempatan dengan melaksanakan projek FRIM dan FGV khususnya pembangunan bunga Rafflesia seluas 250 hektar di Bersia Timur, Gerik serta berapakah peruntukan disediakan bagi memastikan projek tersebut dapat dijayakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Faedah serta kesan kepada alam sekitar yang diperoleh dari projek pembangunan sebuah *Pusat Pemuliharaan dan Interpretif Rafflesia* (PPIR) antara FRIM dan FGV ialah pengurangan ancaman dan kepupusan populasi *Rafflesia* termasuk eksploitasi pengutipan spesies ini sebagai sumber ubatan melalui pemuliharaan populasi *Rafflesia* di ekosistem semula jadinya; serta penjanaaan pengetahuan baru menerusi pembangunan plot penyelidikan dan tapak ekologi jangka panjang.

Faedah kepada masyarakat tempatan ialah melalui peningkatan tahap sosio-ekonomi komuniti orang asli dan masyarakat setempat sebagai sumber tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran. Masyarakat tempatan dapat bertindak sebagai rakan kongsi dan pemain utama sektor industri *indigenous tourism Rafflesia*. Jaringan kerjasama sedia ada antara kerajaan persekutuan dan negeri juga dipereratkan menerusi penjanaaan pendapatan hasil pelbagai pakej eko-pelancongan *Rafflesia* yang dijangka berjumlah RM150 juta bagi tempoh 5 tahun (2021-2025). Projek ini akan turut mewujudkan imej daerah Hulu Perak sebagai penggerak industri eko-pelancongan negara berteraskan *indigenous tourism Rafflesia*.

Dana yang diperuntukan bagi projek FRIM-FGV bagi tahun 2017-2020 ialah dana FGV berjumlah RM5 juta dan dana RMK-11 berjumlah RM10 juta.